



KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

Y.B. MENTERI

Y.B. TIMBALAN MENTERI

Y.BHG. KSU

Y.BHG. TKSU (PDN)

Y.BHG. TKSU (PPP)

SETIAUSAHA AKHBAR

7 JUN 2023 (RABU)



KERATAN AKHBAR (KPDN)

7 JUN 2023 (RABU)

Isu gula pulih, minyak masak subsidi pula tiada

ALOR SETAR: Setelah masalah kekurangan gula minggu lalu, penduduk di beberapa daerah di negeri ini berdepan pula dengan isu bekalan minyak peket bersubsidi.

Tinjauan di sekitar daerah ini termasuk di Pendang dan Jerai mendapati, bekalan itu sukar didapati di beberapa kedai runcit.

Menurut salah seorang peniaga yang hanya dikenali sebagai Leong, 40, pihaknya sudah terputus bekalan minyak peket itu sejak dua hari lepas.

“Sudah dua hari lori tak datang hantar minyak peket, bila ditanya, mereka kata tak ada bekalan.

“Pembekal kata dua tiga hari lagi baru sampai harap-harap adalah nanti sebab pelanggan sudah bising. Selalunya kami terima bekalan setiap hari tetapi sejak dua hari lepas tak ada langsung,” katanya di sini.

Sementara itu seorang penduduk, Aziz Abu Bakar, 57, berkata, dia terpaksa keluar masuk dari satu kedai ke satu kedai runcit untuk membeli sepeket minyak masak.

“Yang ada minyak botol. Kami ini orang susah mana nak beli minyak botol yang mahal itu.

“Hari itu masalah gula sekarang minyak, pengguna macam kami ini susahlah nak masak,” katanya.

Presiden Persatuan Pengguna Kedah (Cake), Mohd. Yusrizal Yusoff berkata, pihaknya menerima aduan ketiadaan minyak masak tersebut daripada pengguna sejak kelmarin.

“Baru nak selesai isu gula sekarang minyak masak peket. Ia selalunya dibeli oleh golongan berpendapatan rendah iaitu B40 kalau kategori lain memang mereka tak beli minyak ini,” katanya.

Bekalan gula di empat negeri stabil

Op Manis KPDN periksa 2,576 premis, tujuh tindakan diambil

Oleh IZWAN ROZLIN
 SHAH ALAM

Sebanyak 2,576 premis perniagaan telah diperiksa menerusi Op Manis yang dilancarkan di empat negeri bermula 3 Mei sehingga 4 Jun lalu.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, 60 aduan isu gula diterima dengan tujuh tindakan telah diambil menerusi pemantauan yang dibuat di Kelantan, Terengganu, Pahang dan Kedah.

Menurutnya, bekalan gula di pasaran tidak menunjukkan sebarang masalah bekalan yang kritis, sebaliknya mencukupi, stabil dan berupaya menampung permintaan semasa.

Jelas Salahuddin, bagaimanapun, KPDN dengan kerjasama syarikat pengeluar gula tempatan secara berterusan mengambil tindakan dan inisiatif dalam membantu mempercepatkan pengedaran bekalan dari peringkat

kilang kepada pemborong dan rantaian sehingga ke peringkat pengguna akhir.

"Op Manis ini akan diteruskan dengan Op Manis 2.0 sehingga 30 Jun ini di seluruh negara bagi memastikan bekalan dan pengedaran gula stabil bagi kegunaan rakyat."

"KPDN telah memutuskan mana-mana pihak yang melakukan tiga kesalahan berikut akan digantung lesen untuk siasatan dan jika terbukti kesalahan akan dibatalkan lesen dan disenaraikan.

"Kesalahan itu meliputi menjual gula putih bertapis kasar dan halus secara bersyarat dengan barang lain termasuklah dengan gula jernih serta menyorok bekalan dan menjual melebihi harga kawalan," katanya dalam kenyataan pada Selasa.

Jelasnya, kerajaan melalui

KPDN mengeluarkan arahan pengawal bekalan di bawah Peraturan 12A, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan bersabit had jumlah pengeluaran dan edaran gula pasir putih bertapis kasar dan halus pek satu kilogram dan dua kilogram terhadap dua syarikat pengeluar gula tempatan iaitu MSM Malaysia Holdings Berhad dan Central Sugars Refinery Sdn Bhd (CSR).

"Jumlah minimum pengeluaran dan edaran bulanan gula pasir putih bertapis (kasar dan halus) pek satu kilogram dan dua kilogram yang ditetapkan kepada MSM Malaysia Holdings Berhad adalah 24,000 tan metrik (mt) manakala 18,000mt untuk CSR.

"Arahan itu juga telah dikeluarkan kepada pemborong utama kedua-dua syarikat pengeluar gula tempatan tersebut bagi memastikan gula pasir putih bertapis kasar dan halus yang diterima diedarkan segera kepada pelanggan.

"Pemantauan holistik dan terperinci dilaksanakan bagi memastikan keberadaan bekalan gula sentiasa stabil di pasaran," ujarnya.

Dalam pada itu, katanya, kedudukan jumlah pengedaran gula berdasarkan pemantauan pada Mei ke atas syarikat MSM Malaysia Holdings adalah 28,243mt bagi gula pasir putih bertapis (kasar dan halus) pek satu kilogram dan dua kilogram serta 772mt bagi gula jernih.

Bagi syarikat CSR pula mengendarai 16,546mt gula pasir putih bertapis (kasar dan halus) pek satu kilogram dan dua kilogram.



SALAHUDDIN



SEORANG pekerja mengangkat stok gula putih yang akan dibekalkan kepada penduduk di Terengganu baru-baru ini.

Stok juga berupaya tampung permintaan semasa

Bekalan gula di empat negeri cukup

Oleh NURUL IZZATI ZAINI

PETALING JAYA — Bekalan gula di empat buah negeri iaitu Kelantan, Terengganu, Pahang dan Kedah tidak menunjukkan sebarang masalah bekalan yang kritikal, malah mencukupi, stabil dan berupaya menampung permintaan semasa.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, ia berdasarkan pemantauan dan pemeriksaan oleh Pasukan Petugas Khas di bawah OPS Manis sejak dilancarkan pada 3 Mei lalu.

Menurutnya, sebanyak 2,576 premis perniagaan diperiksa oleh anggota penguat kuasa dan sejumlah 60 aduan merangkumi isu gula diterima dalam operasi yang berlangsung sehingga 4 Jun itu.

"Daripada jumlah pemeriksaan tersebut, terdapat tujuh tindakan kes telah diambil. Bagaimanapun, pihak KPDN de-

ngan kerjasama syarikat pengeluar gula tempatan secara berturusan akan mengambil tindakan.

"Ia bagi membantu mempercepatkan pengedaran bekalan dari peringkat kilang kepada pemborong dan rantaian sehingga ke peringkat pengguna akhir.

"Ops Manis akan diteruskan dengan Ops Manis 2.0 sehingga 30 Jun depan di seluruh negara bagi memastikan bekalan dan pengedaran gula adalah stabil bagi kegunaan rakyat," katanya dalam kenyataan semalam.

Tambahnya, KPDN telah memutuskan mana-mana pihak yang melakukan tiga kesalahan berikut akan digantung lesen untuk siasatan dan jika terbukti kesalahan akan dibatalkan lesen dan disenarai hitamkan.

"Kesalahan itu meliputi menjual gula putih bertapis kasar dan halus secara bersyarat dengan barang lain serta termasuk dengan gula jernih, menyorok bekalan dan menjual melebihi harga kawalan," ujarnya.

Sementara itu, Salahuddin berkata, kerajaan melalui KPDN mengeluarkan arahan pengawal bekalan di bawah Peraturan 12A, Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan bersabit had jumlah pengeluaran dan edaran gula pasir putih bertapis kasar dan halus pek satu kilogram (kg) dan dua kg terhadap dua syarikat pengeluar gula tempatan iaitu MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) dan Central Sugars Refinery Sdn. Bhd. (CSR).

Jelasnya, jumlah minimum pengeluaran dan edaran bulanan gula pasir putih bertapis (kasar dan halus) pek satu kg dan dua kg yang ditetapkan kepada MSM adalah sebanyak 24,000 tan metrik, manakala CSR sebanyak 18,000 tan metrik.

"Arahan ini juga dikeluarkan kepada pemborong utama kedua-dua syarikat pengeluar gula tempatan tersebut bagi memastikan gula pasir putih bertapis kasar dan halus yang diterima diedarkan segera," jelasnya.

Sindiket diesel pantau kereta KPDN

PADANG BESAR — Sindiket penyelewengan diesel dan petrol bersubsidi dikesan merekodkan nombor pendaftaran kenderaan milik Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Perlis bagi mengawasi pergerakan penguat kuasa tersebut.

Malah, sindiket juga didapati mempunyai senarai nombor pendaftaran kenderaan peribadi milik pegawai KPDN negeri itu.

Perkara tersebut terbongkar selepas penguat kuasa KPDN menemui senarai nombor pendaftaran kenderaan berkenaan di dalam sebuah kereta yang disyaki digunakan untuk mengangkut minyak di Kampung Melayu, di sini semalam.

Pengarah Pejabat KPDN Perlis, Norazah Jaapar memberitahu, pihaknya menerusi Ops Tiris melakukan dua serbuan di Kampung Melayu kerana disyaki melakukan kegiatan pe-

nyelewengan diesel dan petrol bersubsidi.


Katanya, serbuan di sebuah stor tanpa nombor kira-kira pukul 7.30 pagi itu dilakukan hasil risikan penguat kuasa sejak dua minggu lalu.

"Dalam serbuan pertama, pasukan serbuan mendapati sebuah kenderaan bernombor pendaftaran asing sedang menyedut keluar diesel dari tong drum ke dalam tangki minyak kenderaan.

"Hasil pemeriksaan lanjut menemui kira-kira 640 liter diesel dan 300 liter petrol," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Kata beliau, pihaknya bertindak menahan dua lelaki berusia awal 20-an dan lewat 50-an di lokasi serbuan bagi membantu siasatan.

"Nilai rampasan adalah RM53,451 termasuk sitaan pam sedut petrol dan diesel," jelasnya.



REKOD senarai nombor pendaftaran kenderaan KPDN dan milik peribadi pegawai KPDN negeri yang disimpan sindiket diesel.

Sugar supply ops extended to June 30

OPS Manis, launched to ensure sufficient sugar supply, will be extended to June 30, says Datuk Seri Salahuddin Ayub.

The punishments on three serious offences have also been heightened, added the Domestic Trade and Cost of Living Minister.

He said those who were caught hoarding or marking up sugar prices would be blacklisted or have their licences revoked.

"We received complaints that some stores demanded consumers to also purchase premium sugar packets. This is an offence. We will take stern action against those who break the law," he said.

He added that seven cases of manipulating sugar sales were uncovered, with five cases in Kedah, one in Kelantan and another in Terengganu.

Measures to ensure stable sugar supply extended

KUALA LUMPUR: *Ops Manis*, which was implemented to ensure a stable supply and distribution of sugar, will be extended until June 30 nationwide.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said his ministry would take stern action against any party who

sells white coarse and fine granulated sugar conditionally, hoards supply or sells above the controlled price.

"If these things happen, the ministry will issue a directive instructing that their (the offenders) licence be suspended for investigation and blacklisting if found guilty.

We do not want to hear about this anymore," he said at the Parliament Building yesterday.

Meanwhile, Salahuddin said in a statement a total of 2,576 business premises in Kelantan, Terengganu, Pahang and Kedah were inspected by a special task force under *Ops Manis* as of June 4. - Bernama

Nombor kendaraan KPDN Perlis disimpan penyeludup

Sindiket pantau pergerakan anggota penguat kuasa sempadan Malaysia-Thailand

Oleh Aizat Sharif
bhnews@bh.com.my

Padang Besar: Sejumlah senarai nombor pendaftaran kendaraan peribadi milik pegawai dan pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup (KPDN) Perlis ditemukan dalam simpanan sindiket penyeludupan petrol dan diesel.

Senarai itu ditemukan dalam sebuah kereta milik sindiket berkenaan, dipercayai untuk mengetahui pergerakan penguat kuasa KPDN Perlis di kawasan sempadan Malaysia-Thailand, di sini.

Pengarah KPDN Perlis, No-



Anggota penguat kuasa KPDN Perlis memeriksa petrol dan diesel yang dirampas di Kampung Melayu, Padang Besar.

(Foto ihsan KPDN)

razah Jaapar, berkata pihaknya menemui rekod berkenaan dalam sebuah Proton Iswara di premis yang diserbu di Kampung Melayu Padang Besar, di sini semalam.

"Kita buat dua serbuan bersinggan di stor tidak bernombor di Kampung Melayu, bermula sekitar jam 7.30 pagi hasil risikan sejak dua minggu lalu.

"Dalam serbuan pertama, se-

buah kendaraan pacuan empat roda dengan pendaftaran asing didapati sedang menyedut keluar cecair, disyaki diesel dari tong drum untuk dimasukkan ke dalam tangki minyak kendaraan itu.

"Hasil pemeriksaan lanjut, ditemui anggaran 640 liter diesel dan 300 liter petrol dipercayai bernilai RM53,451," katanya dalam kenyataan, semalam.

Tahan dua lelaki

Beliau memaklumkan, KPDN Perlis turut menahan dua lelaki termasuk, seorang warga asing, masing-masing berusia lingkungan 2-an dan 50an yang berada di lokasi serbuan bagi membantu siasatan.

"Kita kemudian menyerbu sebuah lagi stor di lokasi berhampiran dan menemukan sebuah Proton Iswara yang mempunyai tangki tambahan. Pemeriksaan lanjut menemukan kira-kira 300 liter disyaki petrol dalam tangki tambahan kereta itu dianggarkan bernilai RM5,615.00.

"Apa yang mengejutkan adalah penemuan sejumlah rekod senarai nombor pendaftaran kendaraan peribadi pegawai dan kenderaan Pejabat KPDN Perlis dalam kereta itu yang kita percaya digunakan untuk mengetahui pergerakan anggota KPDN Perlis.

"Dalam serbuan kedua, tiada individu ditemui di lokasi berkenaan. Kereta serta petrol yang ditemui segera dirampas," katanya.



MEDIA ONLINE (KPDN)

7 JUN 2023 (RABU)

BERITA ONLINE BERTARIKH 7 JUN 2023			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
7-Jun	[LANGSUNG] Sidang Media Menteri KPDN 6 Jun 2023	https://www.youtube.com/live/zJBbQhpQeu0?feature=share	ASTROAWANI
7-Jun	LANGSUNG DI PARLIMEN: ISU KEBERADAAN GULA DI PASARAN OLEH KPDN,	https://www.youtube.com/live/ncUbYr33elA?feature=share	TV PERTIWI
7-Jun	Gantung lesen jika jual gula lebih harga kawalan	https://youtu.be/Z1pzrrgbCi0	BH
7-Jun	Gantung lesen jika jual gula lebih harga kawalan	https://youtu.be/LBX3gmKLDEs	HM
7-Jun	Gantung lesen jika jual gula lebih harga kawalan	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2023/06/1110840/gantung-lesen-jika-jual-gula-lebih-harga-kawalan	BH
7-Jun	Bekalan gula di empat negeri mencukupi – KPDN	https://www.edisi9.com.my/2023/06/bekalan-gula-di-empat-negeri-mencukupi-kpdn/	EDISI9
7-Jun	Gantung lesen jika jual gula lebih harga kawalan	https://bebasnews.my/2023/06/06/gantung-lesen-jika-jual-gula-lebih-harga-kawalan/	BEBASNEWS
7-Jun	Gantung Lesen Jika Jual Gula Lebih Harga Kawalan	https://www.mynewshub.tv/2023/06/gantung-lesen-jika-jual-gula-lebih-harga-kawalan/	MYNEWSHUB
7-Jun	Bekalan gula di empat negeri stabil	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/262010	SH
7-Jun	PARLIMEN: Peniaga jual harga gula melebihi kawalan akan dikompaun, senarai hitam dan gantung lesen	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/peniaga-jual-harga-gula-melebihi-kawalanakan-dikompaun/	UM
7-Jun	Op Manis 2.0 diteruskan ke seluruh negara – Salahuddin	https://malaysiagazette.com/2023/06/06/op-manis-2-0-diteruskan-ke-seluruh-negara-salahuddin/	MALAYSIAGAZETTE
7-Jun	Op Manis 2.0 diteruskan ke seluruh negara – Salahuddin	https://bernama.com/bm/news.php?id=2195482	BERNAMA

7-Jun	Ops Manis to ensure sufficient sugar supplies extended nationwide, says Domestic Trade Minister	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/06/06/ops-manis-to-ensure-sufficient-sugar-supplies-extended-nationwide-says-domestic-trade-minister	THESTAR
7-Jun	Rekod nombor plat kenderaan penguat kuasa, elak dikesan seleweng minyak	https://www.kosmo.com.my/2023/06/06/rekod-nombor-plat-kenderaan-penguat-kuasa-elak-dikesan-seleweng-minyak/	KOSMO
7-Jun	KPDN Labuan Lumpuhkan Sindiket Seludup Minyak Kecil-Kecilan	https://sabahnews.com.my/kpdn-labuan-lumpuhkan-sindiket-seludup-minyak-kecil-kecilan/	SABAHNEWS
7-Jun	Pakej cermin mata Rahmah diperkenalkan	https://www.google.com/amp/s/www.suarakeadilan.my/amp/pakej-cermin-mata-rahmah-diperkenalkan	SUARAKEADILAN
7-Jun	Op Manis extended till June 30 nationwide	https://www.thesundaily.my/local/op-manis-extended-till-june-30-nationwide-salahuddin-JH11070779	THESUNDAILY
7-Jun	Op Manis extended till June 30 nationwide	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2195540	BERNAMA
7-Jun	Ops Manis 2.0 diteruskan hingga 30 Jun	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/64856-ops-manis-2-0-diteruskan-hingga-30-jun	BERITARTM
7-Jun	Lesen digantung jika jual gula lebih harga kawalan	https://youtu.be/vsc-OxgdF5s	ASTROAWANI
7-Jun	Sindiket penyeludup ada senarai nombor kenderaan pegawai KPDN	https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/06/1110903/sindiket-penyaludup-ada-senarai-nombor-kenderaan-pegawai-kpdn	BH
7-Jun	Upah ‘tonto’ elak dikesan, KPDN tumpas aktiviti seleweng diesel dan subsidi	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/upah-tonto-elak-dikesan-kpdn-tumpas-aktiviti-seleweng-diesel-dan-subsidi/	UM

7-Jun	Catat nombor kenderaan untuk pantau pergerakan penguat kuasa KPDN	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/06/974706/catat-nombor-kenderaan-untuk-pantau-pergerakan-penguat-kuasa-kpdn	HM
7-Jun	Penyeludup simpan nombor kenderaan peribadi pegawai, pejabat KPDN Perlis	https://suaramerdeka.com.my/penyeludup-simpan-nombor-kenderaan-peribadi-pegawai-pejabat-kpdn-perlis/	SUARAMERDEKA
7-Jun	Fuel raids uncover list of vehicles belonging to Perlis Domestic Trade Ministry officers	https://www.google.com/amp/s/www.nst.com.my/amp/news/crime-courts/2023/06/917228/fuel-raids-uncover-list-vehicles-belonging-perlis-domestic-trade	NST
7-Jun	Lelaki cuba seleweng petrol bersubsidi ditahan	https://www.utusanborneo.com.my/2023/06/06/lelaki-cuba-seleweng-petrol-bersubsidi-ditahan	UMBORNEO
7-Jun	Warga Thailand didenda RM25,000 seludup diesel	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/262114	SH
7-Jun	Warga Thailand didenda rm25,000 seludup diesel subsidi	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2195662	BERNAMA
7-Jun	Thai national fined RM25,000 for smuggling subsidised diesel	https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2195677	BERNAMA
7-Jun	Penyeludup diesel simpan nombor plat kenderaan peribadi pegawai KPDN	https://www.buletintv3.my/jenayah/penyeludup-sampai-ke-tahap-salin-simpan-nombor-plat-kenderaan-peribadi-pegawai-kpdn/?utm_source=BUTV3&utm_medium=beritaberkaitan	BULETINTV3
7-Jun	Baucar peralatan rumah untuk mangsa banjir	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/06/974799/baucar-peralatan-rumah-untuk-mangsa-banjir	HM
7-Jun	Inisiatif Payung RAHMAH Diperluas Ke Pakej Cermin Mata Serendah RM50	https://www.therakyatpost.com/trpbm/berita/2023/06/06/inisiatif-payung-rahmah-diperluas-ke-pakej-cermin-mata-serendah-rm50/	THERAKYATPOST